

Mighty Dine UOBM

Terma Penggunaan

Aplikasi mudah alih *Mighty* (“Aplikasi”) **UOBM** [ciri-ciri tempat makan] (“*UOBM Dine*”) dari United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“**UOBM**”) ialah perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Perkhidmatan Mudah Alih UOBM. Akses kepada *UOBM Dine* diberikan oleh kami tertakluk kepada terma penggunaan ini, Notis Undang-undang kami (http://www1.uob.com.my/terms_conditions.html) dan Terma Privasi dan Keselamatan (http://www1.uob.com.my/privacy_policy.html) (secara kolektif, “Terma”). **Sila baca Terma ini dengan teliti. Dengan mengakses *UOBM Dine*, Aplikasi dan/atau menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan dalam Aplikasi, anda bersetuju untuk diikat oleh Terma ini. Jika anda tidak menerima mana-mana Terma ini, sila hentikan akses anda kepada *UOBM Dine*, Aplikasi ini dan/atau penggunaan perkhidmatan yang ditawarkan dalam Aplikasi dengan serta-merta.**

Terma ini adalah tertakluk kepada perubahan dan boleh diubah, dikeluarkan atau diganti dari semasa ke semasa pada bicara tunggal dan mutlak kami dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu. Jika anda tidak menerima perubahan atau penambahan kepada Terma ini, anda mesti berhenti menggunakan Aplikasi dan perkhidmatan dalam Aplikasi. Jika anda terus menggunakan Aplikasi dan perkhidmatan dalam Aplikasi selepas perubahan atau penambahan dikuatkuasakan, anda dianggap telah menerima perubahan atau penambahan tersebut tanpa syarat.

1. Akses Aplikasi

- 1.1. Semasa penggunaan *UOBM Dine*, anda mungkin diperlukan untuk mendaftar masuk ke akaun Facebook anda melalui Aplikasi dan/atau memberikan kami nama dan maklumat hubungan anda. Dengan mengakses akaun Facebook anda melalui Aplikasi, anda membenarkan kami untuk (i) mendapatkan nama paparan, dan e-mel yang dikaitkan kepada akaun Facebook anda untuk tujuan melakukan tempahan restoran melalui Singtel Digital Media Pte Ltd. (“SDM”) yang memiliki dan menguruskan HungryGoWhere.my; dan (ii) untuk memaparkan sebarang kandungan yang disiarkan, dimuat naik atau dihantar oleh anda melalui Aplikasi dalam akaun Facebook anda. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang perubahan kepada ciri-ciri, fungsi atau terma yang mengawal akaun Facebook anda kerana kami tidak mempunyai kawalan atau pengaruh ke atas tetapan terma, privasi atau akaun Facebook.
- 1.2. Apabila anda memberi penilaian ke atas sesuatu restoran, berkongsi pengalaman anda, mengesyorkan hidangan atau sebaliknya menyiarkannya di Facebook melalui Aplikasi, anda memahami, bersetuju dan mengakui bahawa anda akan mendedahkan di Facebook bahawa anda ialah seorang pelanggan kami dan anda bersetuju kepada dan membenarkan pendedahan sedemikian.

2. Kandungan dan Tingkah Laku Pengguna

- 2.1. Anda memahami bahawa anda bertanggungjawab untuk sebarang kandungan yang anda siarkan, muat naik atau hantar (“Kandungan Pengguna”) dan apa-apa tindakan yang anda lakukan pada atau melalui Aplikasi.
- 2.2. Anda mengakui bahawa Aplikasi digunakan oleh komuniti pengguna dan anda bersetuju:
 - 2.2.1. untuk tidak menyebabkan atau sengaja membenarkan orang lain menyebabkan sebarang gangguan, kegusaran, atau kesusahan, sama ada kepada kami atau mana-mana pelanggan atau pengguna Aplikasi kami.
 - 2.2.2. untuk tidak menggunakan apa-apa peranti, perisian atau rutin untuk mengganggu atau cuba mengganggu fungsi sewajarnya bagi Aplikasi.
 - 2.2.3. untuk memastikan bahawa perisian dan Peralatan yang digunakan oleh anda untuk mengendali dan mengakses Aplikasi dijaga dengan baik dan bebas daripada virus.
 - 2.2.4. untuk menggunakan Aplikasi dengan cara yang selaras dengan semua undang-undang dan peraturan yang digunakan.
 - 2.2.5. untuk tidak menggunakan Aplikasi untuk menyiarkan, memuat naik atau menghantar kandungan yang:
 - (a) mengandungi sebarang mesej pengiklanan dan promosi;
 - (b) melanggar atau menyalahi sebarang hak cipta, tanda dagangan atau apa-apa hak milik intelektual lain atau sebarang hak milik mana-mana individu lain, atau melanggar sebarang tanggungjawab keyakinan;
 - (c) mengandungi apa-apa bahan yang salah, mengelirukan, tidak tepat, lucah, gusar, kasar, fitnah, bersifat perkauman, kekufuran, hasutan atau sebaliknya menyalahi undang-undang atau boleh diambil tindakan;
 - (d) berat sebelah atau di mana anda mempunyai kepentingan diri, melainkan jika anda telah menyediakan pendedahan yang penuh dan jelas mengenai kepentingan diri anda dalam kandungan bagi memastikan objektif pembaca kandungan; atau
 - (e) mengandungi apa-apa bahan dalam apa-apa bentuk yang sebaliknya akan mempertanggungjawabkan atau mendedahkan kami kepada apa-apa prosiding.

Dalam Terma ini, “Peralatan” bermakna sebarang peralatan, peranti atau medium dalam bentuk elektronik, tanpa wayar, komunikasi, transmisi atau telekomunikasi yang bersesuaian termasuk tetapi tidak terhad kepada internet, sebarang komputer atau peralatan mudah alih, peranti, terminal atau sistem yang mungkin diperlukan untuk mengakses dan menggunakan perkhidmatan kami.

3. Semakan Polisi

- 3.1. Kami berhak (tetapi tidak diwajibkan) pada budi bicara tunggal kami untuk memantau, mengendalikan, menolak atau mengeluarkan apa-apa kandungan yang didapati dalam Aplikasi tanpa merujuk kepada anda. Tanpa menghadkan apa-apa yang disebut sebelum ini, kami berhak untuk

mengeluarkan atau mengubah apa-apa kandungan yang melanggar Terma ini, atau sebaliknya yang tidak menyenangkan atau untuk apa-apa sebab lain pada budi bicara tunggal kami.

- 3.2. Untuk membantu kami mengendalikan kandungan, kami telah menyediakan butang ["Cadangkan Penukaran pada Maklumat Restoran"] dalam Aplikasi bagi anda melaporkan apa-apa kandungan yang tidak menyenangkan kepada kami. Kami akan mengkaji laporan tersebut dan mengendalikan kandungan sebagaimana yang kami anggap sesuai pada budi bicara tunggal kami.
- 3.3. Tanpa mengambil kira hak kami untuk memantau, mengendali dan mengeluarkan kandungan yang disiarkan atau dihantar melalui Aplikasi, anda mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak menyokong atau mengesyorkan sebarang Kandungan Pengguna. Anda bersetuju untuk menggunakan dan bergantung pada semua kenyataan, tawaran, maklumat, pendapat dan bahan daripada pengguna, pengiklan dan pihak ketiga lain dalam Aplikasi ini dengan teliti dan kebijaksanaan dan pada risiko anda sendiri, dan kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang ditanggung oleh anda akibat penggunaan atau pergantungan tersebut.
- 3.4. Kami tidak menerima sebarang liabiliti atau tanggungjawab dan tidak bertanggungjawab untuk sebarang Kandungan Pengguna atau untuk sebarang kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang ditanggung oleh anda berhubung dengan sebarang Kandungan Pengguna, termasuk apa-apa kesilapan, salah nyata, fitnah, penyalahgunaan, kelucahan, kekufuran atau sebaliknya yang anda mungkin hadapi.
- 3.5. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk mewujudkan salinan dan menggantikan sebarang Kandungan Pengguna yang anda siarkan, muat naik atau simpan dalam Aplikasi ini pada kos dan perbelanjaan anda sendiri.
- 3.6. Tanpa menjejaskan Notis Undang-undang kami, anda tidak boleh menterjemah, menyusun semula, memisahkan, melakukan kejuruteraan balikan atau sebaliknya cuba memperoleh kod sumber untuk Aplikasi atau mewujudkan karya terbitan berdasarkan Aplikasi. Untuk tujuan Terma ini, "kejuruteraan balikan" termasuk analisis ke atas Aplikasi untuk menentukan kod sumber, struktur, penyusunan, reka bentuk dalaman, algoritma atau peranti penyulitan untuk teknologi yang mendasari Aplikasi.

4. Kandungan yang Disiarkan, Dimuat naik atau Dihantar

- 4.1. Anda bersetuju untuk memberikan kami lesen bukan eksklusif, bebas royalti, seluruh dunia, dan berterusan, dengan hak untuk mengeluarkan sublesen, menghasilkan semula, mengedar, menghantar, mewujudkan karya terbitan dan memaparkan sebarang Kandungan Pengguna secara awam. Kami berhak untuk menggunakan sebarang idea, konsep, pengetahuan atau teknik yang terkandung dalam Kandungan Pengguna untuk sebarang tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada pembangunan dan pemasaran produk dan perkhidmatan. Kami berhak (tetapi tidak diwajibkan) untuk menggunakan nama anda berkaitan dengan Kandungan Pengguna sedemikian untuk

sebarang tujuan dan mengikut cara sedemikian yang kami anggap sesuai dan anda bersetuju secara nyata dan membenarkan kami menggunakan nama anda sedemikian.

- 4.2. Tanpa menjejaskan keluasan makna sebelum ini, anda memahami, bersetuju dan mengakui bahawa dengan memberikan penilaian ke atas sebuah restoran, berkongsi pengalaman anda, mengesyorkan hidangan atau sebaliknya menyiarkan, memuat naik atau menghantar Kandungan Pengguna melalui Aplikasi, anda boleh mendedahkan dalam Aplikasi bahawa anda ialah seorang pelanggan kami dan anda dengan ini bersetuju dan membenarkan pendedahan sedemikian.

5. Penggunaan Aplikasi Perkhidmatan Tempahan Restoran

- 5.1. Perkhidmatan tempahan restoran (“Perkhidmatan Tempahan Dalam Talian”) disediakan dan diuruskan secara tunggal oleh SDM dan ditadbir oleh polisi privasi, keselamatan dan aksesnya yang tersendiri. Kami tidak mempunyai kawalan ke atas Perkhidmatan Tempahan Dalam Talian. Akses dan penggunaan anda untuk Perkhidmatan Tempahan Dalam Talian adalah pada risiko anda sendiri dan tertakluk kepada terma dan syarat akses dan/atau penggunaan yang berkaitan dengannya.
- 5.2. Kami tidak melakukan sebarang perwakilan atau jaminan dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, mengecualikan dan menafikan secara nyata sebarang perwakilan atau jaminan yang tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, berkenaan dengan Perkhidmatan Tempahan Dalam Talian yang disediakan melalui Aplikasi. Kami tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dan tidak menerima atau menanggung sebarang tanggungjawab atau liabiliti ke atas sebarang kecederaan, kerosakan atau kerugian yang dialami akibat daripada atau berhubung dengan sebarang akses dan/atau penggunaan atau ketidakupayaan untuk mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Tempahan Dalam Talian atau apa-apa aspek perkhidmatan yang disediakan oleh SDM, atau pergantungan ke atas kandungan/maklumat yang disediakan oleh Perkhidmatan Tempahan Dalam Talian. Kami bukanlah agen SDM dan hanya memudahkan proses Perkhidmatan Tempahan Dalam Talian antara anda dan SDM. Kami tidak menyemak, meluluskan, mengesahkan, menjamin atau melakukan sebarang perwakilan berkenaan SDM atau kandungan/maklumat yang disediakan oleh Perkhidmatan Tempahan Dalam Talian. Sebarang pertikaian atau ketidakpuasan hati dengan kualiti, standard perkhidmatan dan/atau penunaian tempahan restoran mestilah diselesaikan secara langsung dengan SDM.

6. Tiada Jaminan untuk Pautan dan Penggunaan Agen, Perunding dan Subkontraktor

- 6.1. Kami mungkin menyediakan pautan ke laman web, perisian dan aplikasi mudah alih yang lain (“Pautan Pihak Ketiga”) dan mungkin menggunakan agen, perunding dan subkontraktor untuk menyediakan perkhidmatan. Kami tidak menjamin kandungan Pautan Pihak Ketiga dan tidak akan

bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau ganti rugi yang timbul berkenaan dengan apa yang anda lakukan melalui Pautan Pihak Ketiga atau dengan sebarang aspek perkhidmatan yang disediakan oleh agen, perunding dan subkontraktor.

7. Perwakilan dan Jaminan

7.1. Anda mewakili dan menjamin bahawa:

- 7.1.1. anda mempunyai keupayaan undang-undang dan kuasa sepenuhnya untuk menerima Terma ini dan untuk memberi kami segala arahan yang berkenaan dengan perkhidmatan kami (khususnya, perkhidmatan yang disediakan melalui Aplikasi), dan untuk mematuhi tanggungjawab anda di bawah Terma ini;
- 7.1.2. tanggungjawab anda di bawah Terma ini adalah sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan; dan
- 7.1.3. anda tidak akan menggunakan mana-mana perkhidmatan kami untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang.

8. Pengecualian Liabiliti

8.1. Tanpa menjejaskan keluasan makna sebarang peruntukan lain dalam Terma ini dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh anda untuk sebarang tuntutan, tindakan, kerugian, ganti rugi, permintaan, liabiliti dan kos dalam apa-apa bentuk ("Kerugian") yang anda mungkin alami berhubung dengan perkhidmatan kami yang bagaimana sekalipun timbul (sama ada boleh dijangka secara munasabah atau tidak), walaupun jika kami telah dinasihatkan mengenai kemungkinan Kerugian, termasuk Kerugian daripada:

- 8.1.1. pengubahan sebarang arahan;
- 8.1.2. penggunaan Aplikasi oleh pihak ketiga, sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan oleh anda;
- 8.1.3. kecurian atau kehilangan Peralatan anda yang telah dipasang dengan Aplikasi;
- 8.1.4. ketiadaan atau fungsi tidak teratur mana-mana perkhidmatan kami;
- 8.1.5. sebarang gangguan komputer atau virus sistem, sabotaj atau apa-apa sebab lain yang boleh mengganggu perkhidmatan kami atau apa-apa kerosakan atau kepincangan tugas yang disebabkan oleh apa-apa sebab sekalipun, perisian atau peralatan komputer sama ada milik kami atau tidak, yang digunakan berhubung dengan mana-mana perkhidmatan kami;
- 8.1.6. apa-apa kelewatan atau kesilapan (termasuk penghantaran sebarang pesanan elektronik);
- 8.1.7. keengganan kami untuk bertindak ke atas sebarang arahan, atau apa-apa perkara lain yang kami lakukan atau tidak;
- 8.1.8. apa-apa tindakan yang kami ambil untuk memenuhi sebarang kewajipan, sama ada di Malaysia atau tempat lain di dunia, yang berkenaan dengan pencegahan sebarang aktiviti haram;
- 8.1.9. keingkaran anda; atau
- 8.1.10 penamatan perkhidmatan kami.

9. Indemniti

- 9.1. Anda bersetuju untuk melindungi, mempertahankan dan memegang kami, pengarah, pegawai, kakitangan, pembekal, pemberi lesen, agen, dan mana-mana pembekal kandungan pihak ketiga kami, bebas daripada dan terhadap sebarang Kerugian, yang disebabkan oleh atau yang timbul bagaimana sekalipun daripada penggunaan Aplikasi oleh anda, akses atau sambungan anda ke Aplikasi (termasuk hos Kandungan Pengguna yang disiarkan atau dimuat naik atau dihantar melalui Aplikasi), pelanggaran Terma ini oleh anda, atau pelanggaran mana-mana hak lain. Indemniti ini akan terus kekal walaupun dengan penamatan hubungan anda dengan kami atau penggunaan Aplikasi oleh anda. Kami berhak untuk menganggap pembelaan dan pengawalan untuk apa-apa perkara tertakluk kepada ganti rugi oleh anda, di mana anda akan bekerjasama dengan kami dalam menegaskan sebarang pembelaan yang tersedia.

10. Rekod Elektronik

- 10.1. Anda bersetuju bahawa walaupun Terma ini adalah dalam bentuk elektronik, ia masih akan mengikat, sah dan boleh dikuatkuasakan terhadap anda.

11. Penamatan

- 11.1. Kami akan menggunakan segala usaha yang wajar bagi memastikan perkhidmatan kami disediakan dalam waktu yang ditentukan. Namun demikian, kami tidak dapat menjamin bahawa ia akan disediakan dan disediakan tanpa gangguan. Kami boleh menggantung operasi sebarang perkhidmatan buat sementara waktu untuk mengemas kini, menaik taraf, mengekalkan atau mempertingkatkaninya.
- 11.2. Kami boleh pada bila-bila masa, menamatkan, membatalkan atau menggantung operasi atau penggunaan mana-mana perkhidmatan kami dengan memberi notis terlebih dahulu atau liabiliti kepada anda.

12. Lain-lain

- 12.1. Kekejasan Syarat: Jika mana-mana Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang mana-mana negara, ia tidak akan menjejaskan atau mengurangkan kesahihan, kesahan atau penguatkuasaan Terma lain dan/atau Terma ini di bawah undang-undang mana-mana negara lain.
- 12.2. Pengecualian: Sebarang kegagalan atau kelewatan oleh pihak kami dalam melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana hak kami di bawah Terma ini tidak dianggap sebagai pengecualian dan tidak memudaratkan atau menjejaskan hak kami selepas ini untuk bertindak tegas selaras dengan hak kami.
- 12.3. *Force Majeure*: Sekiranya kami tidak dapat mematuhi atau melaksanakan mana-mana Terma ini kerana atau disebabkan oleh kejadian di luar kawalan

kami atau kejadian di mana kami secara munasabahnya tidak dapat mencegah atau mengelakkan, maka kami akan dikecualikan dari melaksanakan Terma ini untuk tempoh kejadian yang memudaratkan tersebut. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan, kerugian, ganti rugi atau kesulitan yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau berkaitan dengan kejadian yang memudaratkan tersebut. Contoh kejadian sedemikian termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan dan kegagalan peralatan, sistem atau pautan penghantaran, kebakaran, banjir, letupan, tindakan elemen, bencana alam, keganasan, peperangan, kemalangan, wabak penyakit, mogok, sekat masuk, kegagalan atau putus bekalan kuasa, pertikaian buruh atau tindakan, tuntutan atau kehendak kerajaan.

- 12.4. Undang-undang dan Bidang Kuasa: Terma ini ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Anda bersetuju untuk menyerah secara muktamad kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia yang bermakna bahawa prosiding undang-undang terhadap kami hanya boleh dijalankan dalam mahkamah Malaysia.